



**KENYATAAN MEDIA  
UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN  
PENGURUSAN MALAYSIA**

---

**PELANTIKAN YBHG. DATUK HAJI RODZI BIN MD SAAD SEBAGAI  
KETUA PENGARAH MAMPU YANG BAHARU**

---

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) ingin memaklumkan bahawa YBhg. Datuk Haji Rodzi bin Md Saad telah dilantik sebagai Ketua Pengarah MAMPU yang baharu berkuat kuasa pada 30 Mei 2023 (Selasa) menggantikan YBhg. Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail.

YBhg. Datuk Rodzi bin Md Saad, 59 tahun berkelulusan di peringkat Sarjana dalam bidang Pengajian Perangsaraf Media dan Informasi dari Universiti Teknologi MARA dan Ijazah Sarjana Muda Demografi dan Kajian Kependudukan (Kepujian) dari Universiti Malaya. Beliau telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama 33 tahun dan berpengalaman luas dalam pelbagai bidang termasuklah keselamatan dan pengurusan bencana. Sebelum ini, beliau telah berkhidmat sebagai Ketua Pengarah Keselamatan Negara, Majlis Keselamatan Negara, sejak 15 Julai 2021.

Pada masa yang sama MAMPU turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Datuk Seri Dr. Yusof atas segala sumbangan dan khidmat bakti beliau kepada MAMPU.

**Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)  
Jabatan Perdana Menteri (JPM)  
30 Mei 2023**